

**ERA BAHARU  
PUTRAJAYA**

**DR. RADZI JIDIN (DRJ)**

**PERIKATAN  
NASIONAL**



**50 TAWARAN  
DR. RADZI JIDIN  
UNTUK PUTRAJAYA**

# 1. Demi Kebajikan Warga Putrajaya

- **Putrajaya Care**

*One stop centre bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Ahli Parlimen kepada warga Putrajaya.*

- **Akademi Anak Putrajaya**

*One stop centre untuk pembangunan kendiri anak-anak Putrajaya.*

- **Program #NgajiPutrajaya**

Kelas mengaji Al-Quran dengan modul lengkap termasuk penggunaan teknologi digital.

- **Program #KebunJaya**

Peruntukan sehingga RM5,000 untuk memperkasa kebun komuniti sedia ada serta menambah kebun komuniti baharu.

- **Dana Khas #KRTJaya**

RM10,000 kepada setiap KRT untuk program kemasyarakatan termasuk Skuad Rondaan Sukarela (SRS) dan pembelian peralatan kawalan keselamatan.

- **Jawatankuasa Khas Pemantau Pelaksanaan**

Pemantauan bagi memastikan Tawaran Putrajaya dilaksanakan sepenuhnya.

## 2. Demi Ekonomi yang Makmur

- **Putrajaya Destinasi Tarikan Pelancong**

Penawaran produk pelancongan baharu bernilai tinggi.

- **Putrajaya Rancak**

Merancakkan aktiviti ekonomi, kerohanian, kekeluargaan dan sukan pada waktu malam.

- **Pasar Awam Moden dan Ceria**

Memoden, menceria serta menyediakan pelbagai program untuk menarik lebih ramai pengunjung ke pasar awam.





### 3. Demi Pendidikan Generasi Putrajaya

- **Sumbangan Khas PIBG**  
Sekurang-kurangnya RM5,000 setahun untuk melaksanakan aktiviti.
- **Perkhidmatan Bas Sekolah Percuma**  
Perkhidmatan bas sekolah berdaftar percuma untuk murid miskin.
- **Bantuan Awal Pelajar Baharu IPTA**  
Bantuan RM500 kepada anak Putrajaya daripada keluarga yang memerlukan.
- **Taska dan Tadika di Premis Kuarters Kerajaan**  
Menyediakan lokasi yang bersesuaian dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM.
- **Bantuan #SiswaDigital**  
Sumbangan peranti untuk siswa daripada keluarga yang kurang berkemampuan.



## 4. Demi Masa Depan Anak Muda Putrajaya

- **Kompleks Anak Muda Putrajaya**

Wujudkan sebuah kompleks yang dilengkapi fasiliti yang kondusif untuk kegunaan belia, NGO, siswa dan pekerja gig.

- **Persatuan Siswa Putrajaya**

Peruntukan sebanyak RM50,000 geran pemula untuk aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan.

- **Program #SmartNiaga**

Latihan, pementoran dan bantuan pemula bagi membantu anak muda melibatkan diri dalam perniagaan secara konvensional atau atas talian.

## 5. Demi Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang Terancang

- **Perkhidmatan Bas Berkualiti**

Menambah baik kualiti serta meningkatkan kekerapan dan keselesaan penumpang.

- **Kemudahan Tempat Letak Kenderaan**

Menambah tempat letak kenderaan termasuk parkir bertingkat serta *park and ride* di kawasan tumpuan.

- **Dana Khas #SurauKita**

RM20,000 setahun kepada setiap surau bagi menyokong program dan aktiviti kerohanian.



**ERA BAHARU  
PUTRAJAYA**

**50 TAWARAN  
DR. RADZI JIDIN  
UNTUK PUTRAJAYA**

**DR. RADZI JIDIN (DRJ)**

**PERIKATAN  
NASIONAL**



**ERA BAHARU  
PUTRAJAYA**

**5**  
**Tunjang**

**50**  
**Tawaran**



# **Tunjang**

- 1. Demi Warga Putrajaya yang sejahtera**
- 2. Demi Ekonomi yang Makmur**
- 3. Demi Pendidikan Generasi Putrajaya**
- 4. Demi Masa Depan Anak Muda Putrajaya**
- 5. Demi Infrastruktur Dan Kemudahan Awam yang Terancang**

**ERA BAHARU  
PUTRAJAYA**

**DR. RADZI JIDIN (DRJ)**

**PERIKATAN  
NASIONAL**



# Demi Warga Putrajaya yang Sejahtera





## Tawaran

**1.**

Mewujudkan Putrajaya Care, sebuah pusat khidmat *one stop centre* bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan Ahli Parlimen kepada warga Putrajaya.

**2.**

Memperkenalkan aplikasi Putrajaya Care sebagai platform aduan, khidmat bantuan, tempahan fasiliti dan perkongsian informasi terkini.

**3.**

Melaksanakan Program #DRJPrihatin sebagai medium interaksi secara langsung dengan warga Putrajaya termasuk aktiviti santai dan riadah di kawasan sekitar Putrajaya.

**4.**

Menubuhkan Akademi Anak Putrajaya sebagai *one stop centre* untuk pembangunan kendiri anak-anak Putrajaya termasuk program kepimpinan, pemerkasaan jati diri dan sahsiah, perkembangan bakat dan kerjaya, khidmat nasihat pengajian tinggi, biasiswa Kerajaan dan swasta, bantuan mencari kerja dan program pementoran bagi melahirkan generasi muda.

**5.**

Menjadikan hari Sabtu sebagai hari sukan dan riadah untuk warga Putrajaya (#HSRPutrajaya) bagi membudayakan gaya hidup sihat serta mengeratkan perpaduan.



## Tawaran

**6.**

Menjadikan Putrajaya sebagai bandar mesra warga emas dan orang kurang upaya (OKU) dengan menyediakan kemudahan bersesuaian, termasuk kemudahan riadah dan sukan.

**7.**

Mengintegrasikan pelbagai perkhidmatan sokongan untuk anak-anak berkeperluan khas termasuk disleksia dan autisme bagi mengoptimumkan potensi mereka melalui kerjasama antara Putrajaya Care dengan Kerajaan Persekutuan dan badan korporat.

**8.**

Memberikan pek permulaan PutrajayaKids bersama bantuan tunai bagi setiap anak kelahiran Putrajaya daripada keluarga yang kurang berkemampuan untuk penjagaan ibu dan anak.

**9.**

Memperkenalkan modul lengkap program #NgajiPutrajaya bagi menyediakan kelas mengaji Al-Quran untuk kanak-kanak, remaja dan orang dewasa, termasuk penggunaan teknologi digital.

**10.**

Memperkenalkan program #KebunJaya dengan peruntukan sehingga RM5,000 untuk memperkasa kebun komuniti sedia ada serta menambah kebun komuniti baharu di atas tanah kosong milik kerajaan melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan badan korporat.



## Tawaran

**11.**

Memperkasakan Komuniti Rukun Tetangga (KRT) dengan memperuntukkan dana khas #KRTJaya sebanyak RM10,000 kepada setiap KRT untuk program kemasyarakatan termasuk Skuad Rondaan Sukarela (SRS) dan pembelian peralatan kawalan keselamatan.


**12.**

Memperjuangkan penyediaan rumah mampu milik yang berkualiti pada harga yang munasabah dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan badan korporat.

**13.**

Meningkatkan kebijakan dan profesionalisme perkhidmatan awam melalui tawaran yang telah diumumkan oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin, Penggerusi Perikatan Nasional pada 6 November 2022.

- Mengekalkan cadangan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) tambahan khas 2023 sebanyak RM100 sebulan bagi penjawat awam seperti mana di dalam Bajet 2023.
- Menaikkan kadar elaun sara hidup (COLA) penjawat awam sebanyak RM100 dan akan diselaras secara berkala bagi meringankan beban kos sara hidup penjawat awam.
- Menambahbaik gred pegawai tentera agar selaras dengan tanggungjawab dan keperluan semasa.
- Memantapkan sokongan kebijakan dan meningkatkan kebolehupayaan pesara tentera yang berpencen dan tidak berpencen melalui pemerkasaan Jabatan Hal Ehwal Veteran.
- Memperkasakan penjawat awam dengan kemahiran digital melalui latihan berterusan bagi meningkatkan keceka-



## Tawaran

**14.**

pan.

- Menambah baik sistem perjawatan dan kebijakan penjawat awam kontrak seperti keutamaan untuk diserapkan sebagai kakitangan tetap.
- Menaikkan elauan guru KAFA sebanyak 50% ke RM1,500 sebulan dan memperkenalkan skim khas penyerapan ke jawatan tetap secara berperingkat.

**Menubuhkan Jawatankuasa Khas Pemantau Pelaksanaan yang dianggotai warga Putrajaya daripada golongan profesional dan berpengalaman termasuk wakil belia dan komuniti setempat untuk memantau dan memastikan Tawaran Putrajaya dilaksanakan sepenuhnya.**

**ERA BAHARU  
PUTRAJAYA**

**DR. RADZI JIDIN (DRJ)**

**PERIKATAN  
NASIONAL**



**Demi  
Ekonomi  
yang  
Makmur**



## Tawaran

**1.**

Menjadikan Tasik Putrajaya sebagai destinasi sukan air terkemuka dunia serta menggalakkan penglibatan warga Putrajaya, khususnya murid sekolah dan pelajar universiti.

**2.**

Mewujudkan premis servis kendaraan termasuk motorsikal dengan penggunaan teknologi mesra alam di lokasi strategik melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan badan korporat. Pendekatan ini akan membolehkan warga Putrajaya mendapat akses yang lebih mudah kepada perkhidmatan yang diperlukan dan pada masa yang sama kelestarian alam sekitar Putrajaya terus terpelihara.

**3.**

Menjadikan Putrajaya sebagai destinasi tarikan pelancong tempatan dan luar negara dengan menambah penawaran produk pelancongan baharu bernilai tinggi. Pembangunan sektor pelancongan akan membawa peluang pekerjaan dan perniagaan untuk warga Putrajaya.

**4.**

Menyediakan tapak perniagaan untuk peniaga kecil di lokasi tumpuan orang ramai seperti Dataran Putrajaya.



## Tawaran

- 5.** Merancakkan aktiviti ekonomi, kerohanian, kekeluargaan dan sukan pada waktu malam bagi memeriahkan suasana waktu malam di Putrajaya.
- 6.** Menjadikan Putrajaya sebagai destinasi utama mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE) serta acara sukan peringkat antarabangsa melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan, Perbadanan Putrajaya dan badan korporat.
- 7.** Memoden, menceria serta menyediakan pelbagai program untuk menarik lebih ramai pengunjung ke pasar awam bagi merancakkan aktiviti perniagaan melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya.

**ERA BAHARU  
PUTRAJAYA**

**DR. RADZI JIDIN (DRJ)**

**PERIKATAN  
NASIONAL**




# Demi Pendidikan Generasi Putrajaya





## Tawaran

- 1.** Menyediakan bantuan #SiswaDigital untuk siswa daripada keluarga yang kurang berkemampuan dengan kerjasama syarikat berkaitan Kerajaan dan badan korporat.
- 2.** Membina sekolah baharu termasuk Kolej Tingkatan 6 dan sekolah sukan model khas bagi memenuhi keperluan pendidikan warga Putrajaya seiring dengan pertambahan penduduk warga Putrajaya dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan
- 3.** Mensasarkan sifar cicir persekolahan dengan kerjasama masyarakat, persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) serta Kerajaan Persekutuan.
- 4.** Mendokong peranan dan sumbangan PIBG dalam membantu kemenjadian murid di sekolah dengan memperuntukkan sekurang-kurangnya RM5,000 setahun untuk melaksanakan pelbagai aktiviti.
- 5.** Menempatkan murid berpotensi daripada keluarga kurang berkemampuan di sekolah asrama sepenuhnya dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan.



## Tawaran

- 6.** Menyediakan perkhidmatan bas sekolah berdaftar percuma untuk murid miskin dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan.
- 7.** Menyediakan RM500 bantuan awal kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam serta *Program Back to School* untuk anak-anak daripada keluarga yang memerlukan.
- 8.** Menyediakan susu percuma kepada kanak-kanak tadika di Putrajaya bagi membantu tumbesaran yang sihat.
- 9.** Memperkenalkan program #PlaygroupJaya sebagai platform memperluaskan aktiviti untuk kanak-kanak di Putrajaya serta merapatkan ukhwah dalam kalangan warga Putrajaya.
- 10.** Menambah taska dan tadika di pejabat kerajaan bagi menyediakan kemudahan pendidikan awal kanak-kanak yang mencukupi dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan badan korporat.



## Tawaran

**11.**

Menyediakan lokasi untuk pengoperasian taska dan tadika dengan menggunakan premis kuarters Kerajaan yang bersesuaian melalui kerjasama dengan Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM.


**12.**

Menambah bilangan kelas bagi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bagi memastikan anak-anak berkeperluan khas dapat belajar dalam keadaan selamat dan selesa dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan.


**ERA BAHARU  
PUTRAJAYA**

**DR. RADZI JIDIN (DRJ)**

**PERIKATAN  
NASIONAL**



**Demi  
Masa Depan  
Anak Muda  
Putrajaya**



## Tawaran

- 1.** Menyediakan Geran Putrajaya Juara bagi memperkasa persatuan dan kelab sukan di Putrajaya untuk menggilap bakat anak muda dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan badan korporat.
- 2.** Mewujudkan Pusat e-sport Putrajaya dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan badan korporat.
- 3.** Menawarkan Skim Perumahan Mikro Belia dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan.
- 4.** Mewujudkan Kompleks Anak Muda Putrajaya dilengkapi fasiliti yang kondusif untuk kegunaan belia, NGO, siswa dan pekerja gig dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan.
- 5.** Menubuhkan Persatuan Siswa Putrajaya dengan peruntukan geran pemula sebanyak RM50,000 untuk melaksanakan aktiviti kesukarelawanan dan kemasyarakatan.



## Tawaran

**6.**

Memperkenalkan program #SmartNiaga yang menawarkan latihan, pementoran dan bantuan pemula bagi membantu anak muda melibatkan diri dalam perniagaan secara konvensional atau atas talian dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan badan korporat.

**7.**

Mewujudkan usahawan belia baharu melalui penyediaan premis perniagaan pada kadar sewa yang rendah serta mengoptimumkan premis perniagaan sedia ada yang tidak digunakan dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya.

**ERA BAHARU  
PUTRAJAYA**

**DR. RADZI JIDIN (DRJ)**

**PERIKATAN  
NASIONAL**



# Demi Infrastruktur Dan Kemudahan Awam yang Terancang

---





## Tawaran

- 1.** Menambah baik kualiti perkhidmatan bas awam di Putrajaya dengan meningkatkan kekerapan dan keselesaan penumpang.
- 2.** Menambah kemudahan tempat letak kenderaan, termasuk tempat letak kenderaan bertingkat serta *park and ride* di kawasan tumpuan seperti di kawasan pejabat dan perumahan.
- 3.** Menyegerakan penyelenggaraan kuarters, termasuk menaik taraf dan mengganti fasiliti yang telah uzur, dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan.
- 4.** Meningkatkan kualiti pemantauan keselamatan berdigital termasuk tambahan CCTV Polis dan Perbadanan Putrajaya dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan.
- 5.** Menyediakan pondok Skim Rondaan Sukarela (SRS) di kawasan kejiranan yang bersesuaian bagi memudahkan anggota SRS melaksanakan tugas dalam membantu pihak berkuasa meningkatkan tahap keselamatan di kawasan kejiranan.



## Tawaran

**6.**

Menyediakan dana khas #SurauKita sebanyak RM20,000 setahun kepada setiap surau bagi menyokong program dan aktiviti kerohanian serta membina surau baharu di kawasan berkeperluan seperti Surau Ittifaqiyah.

**7.**

Memastikan pemasangan lampu jalan di laluan utama bagi tujuan keselamatan, seperti di laluan Desa Pinggiran Putra ke PICC dan Cyberjaya ke Presint 5 dengan Kerajaan Persekutuan.

**8.**

Menyediakan kemudahan pengangkutan percuma Van Putrajaya Care (VPCare) bagi memudahkan pergerakan warga emas dan OKU ke pusat kesihatan.

**9.**

Menyegerakan pembinaan stesen minyak di tapak bersesuaian yang telah dikenal pasti melalui kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Perbadanan Putrajaya.

**10.**

Memodenkan perpustakaan awam seiring dengan perkembangan teknologi digital sebagai pusat rujukan dan latihan teknologi baharu termasuk robotik, coding dan *Artificial Intelligence*.